

# Pembayaran Zakat Fitrah di Pos Online

## Soalan Lazim

### 1.0 Apakah maksud pembayaran Zakat Fitrah secara atas talian?

Pembayaran Zakat Fitrah secara atas talian bermaksud, pengguna boleh membayar Zakat Fitrah secara atas talian dimana-mana sahaja dengan cara melengkapkan borang, membuat pembayaran dan melafazkan akad melalui [www.posonline.com.my](http://www.posonline.com.my).

### 2.0 Pada bilakah waktu untuk pembayaran Zakat Fitrah atas talian dilaksanakan?

Bermula dari Ramadan yang pertama hingga ke hari terakhir Ramadhan atau sebelum waktu solat sunat Aidilfitri iaitu pada 13hb Mei 2021 pada pukul 8.00pagi. Pembayaran yang dilakukan selepas pukul 8 pagi pada 13hb Mei 2020 tidak diterima.

### 3.0 Berapakah kadar pembayaran Zakat Fitrah?

Kadar zakat fitrah adalah berbeza antara setiap negeri-negeri di Malaysia. Sila rujuk kadar zakat fitrah seperti yang telah diumumkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) pada setiap tahun.

### 4.0 Apakah lafaz akad untuk Zakat Fitrah?

“Inilah wang sebanyak RM (jumlah bayaran) sebagai menggantikan beras fitrah yang wajib ke atas diri saya / tanggungan saya / wakil pada tahun ini kerana ALLAH Ta'ala”

### 5.0 Bagaimanakah cara pembayaran Zakat Fitrah atas talian?

Pengguna boleh membayar Zakat Fitrah di [www.posonline.com.my](http://www.posonline.com.my) dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

Langkah 1 : Daftar akaun di [www.posonline.com.my](http://www.posonline.com.my)

Langkah 2: Log masuk ke akaun Pos Online dengan menggunakan nama pengguna dan kata laluan yang betul

Langkah 3 : Tekan butang “Bill Payment” dan pilih “Zakat Fitrah”

Langkah 4 : Isi borang dengan memasukkan maklumat yang diperlukan

Langkah 5 : Lafaz akad

Langkah 6 : Lakukan pembayaran dengan menggunakan 4 bank pilihan atau melalui FPX

Langkah 7 : Transaksi yang berjaya akan menerima “Tax Invoice” sebagai bukti pembayaran zakat

**6.0 Siapakah yang boleh membuat pembayaran Zakat Fitrah di atas talian?**

Pengguna yang beragama Islam, cukup syarat, serta berdaftar di akaun Pos Online boleh membuat pembayaran Zakat Fitrah di [www.posonline.com.my](http://www.posonline.com.my)

**7.0 Bagaimana untuk mendapatkan resit rasmi pembayaran Zakat Fitrah?**

Pengguna yang berjaya membuat pembayaran di [www.posonline.com.my](http://www.posonline.com.my) akan menerima "Tax Invoice" sebagai bukti pembayaran.

**8.0 Bolehkah pembayaran dilakukan untuk pihak ketiga?**

Ya, pengguna boleh membayar Zakat Fitrah untuk pihak ketiga sebagai wakil pembayar dan "Tax Invoice" akan dikeluarkan melalui akaun pembayar.

**9.0 Siapa yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut?**

Untuk maklumat lanjut, sila tekan butang "AskPos" di laman web [www.posonline.com.my](http://www.posonline.com.my)